

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD
YAZID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 19 MAC 2019

MENJAWAB

SOALAN : 69

YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes-kes penghinaan terhadap institusi diraja yang dapat diselesaikan pada tahun 2018.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2018, satu kes yang melibatkan penghinaan terhadap institusi diraja telah diselesaikan oleh Jabatan Peguam Negara. Seorang wanita telah dipertuduh di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] di Mahkamah Sesyen Kota Bahru pada 14 Februari 2018. Tertuduh telah mengaku salah dan dihukum penjara selama lapan bulan pada 25 Mac 2018.
2. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dll.

233. (1) Seseorang yang—

- (a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar—
 - (i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan

- (ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau
- (b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang secara sedar—

- (a) dengan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang; atau
- (b) membenarkan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di bawah kawalan orang itu

untuk digunakan bagi suatu aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a),

melakukan suatu kesalahan.

(3) *Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.”.*

Sekian, terima kasih.